



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester I, Sesi Akademik 2016/2017

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SC 0305
Nama Kursus : Siyasa Syar'iyah
Peringkat Kursus : Sijil Sistem Keadilan Syariah
Masa : 3 jam

Nota :

Jawab semua soalan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Soalan Pertama (10 Markah)

- 1) Sila jelaskan hubungan di antara Siyasah Syar'iyah dan Ijtihad. (2 Markah)
- 2) Huraikan maksud kaedah *Sadd adz-Zarai'* dalam konsep Siyasah Syar'iyah. (5 Markah)
- 3) Berikan satu (1) contoh kaedah *Maslahah Mursalah* yang digunakan dalam polisi pemerintahan Islam. (3 Markah)

10 Markah

Soalan Kedua (10 markah)

- 1) Sila jelaskan pendapat ulama mengenai penglibatan wanita dalam politik berserta dalil yang menyokong pandangan tersebut (3 Markah)
- 2) Nyatakan perbezaan di antara *Siyasah Syar'iyah* dan *Siyasah al-Wad'iyah*. (2 Markah)
- 3) Huraikan secara ringkas bagaimana perkembangan sistem pemerintahan di Negara Brunei Darussalam selepas mendapat kemerdekaan penuh pada tahun 1984. (5 Markah)

10 Markah

Soalan Ketiga (10 markah)

- 1) Sila jelaskan secara ringkas prinsip yang wajib diamalkan oleh umat Islam semasa dalam peperangan.
(2 Markah)
- 2) Sila huraikan bagaimana pemerintahan Islam pada zaman Abasiyyah .
(5 Markah)
- 3) Nyatakan perbezaan di antara *al-Maslahah al-Mu'tabarah* dengan *al-Maslahah al-Mulghah*. Sila berikan contoh bagi kedua-dua kaedah tersebut.
(3 Markah)
10 Markah

Soalan Keempat (10 markah)

- 1) Berikan satu (1) contoh strategi yang digunakan oleh Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wassalam* dalam menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara luar.
(3 Markah)
 - 2) Sila berikan tiga (3) syarat utama cara penggunaan *Siyasah Syar'iyah* dalam sistem pemerintahan Islam.
(3 markah)
 - 3) Nyatakan tiga kuasa politik yang timbul semasa pemerintahan 'Ali bin Abi Thalib dan berikan perbezaan sistem politik yang dilakukan di antara ketiga-tiga kuasa tersebut.
(4 Markah)
- 10 Markah